



SYARAT-SYARAT PENYERTAAN AKTIVITI SAMPINGAN SEMPERA SAMBUTAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN (HKK) DAN PENGGUNAAN LOGO HKK

1. Acara termasuk dalam salah satu kluster berikut:
 - i. Pendidikan dan Kesedaran
 - ii. Keugamaan
 - iii. Kesihatan
 - iv. Rekreasi & Inovatif
 - v. Sukan & Riadah
 - vi. Pakej Promosi
2. Objektif aktiviti / acara / program hendaklah selaras dengan tema Sambutan HKK, iaitu **'Keluargaku, Harapanku'** dan fokus **Menerapkan Nilai-nilai Teras Kekeluargaan Brunei: Sayang-menyayangi; Tanggungjawab; Hormat-Menghormati; Pemedulian ['SaTu HaraPan']**
3. Penyertaan aktiviti hendaklah melibatkan keluarga daripada pelbagai latar belakang bagi menggalakkan penyertaan inklusif, serta menengahkan topik-topik yang menyokong usaha memperkukuh Nilai-Nilai Teras Kekeluargaan Brunei ['SaTu HaraPan'].
4. Aktiviti / acara / program yang dianjurkan adalah menggunakan peruntukan sendiri atau aktiviti / acara yang sudah ada dalam perancangan tahunan agensi, persatuan, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan lain-lain.
5. Tempoh pengendalian aktiviti / acara / program bermula **4 Mei 2025 hingga 31 Disember 2025**.
6. Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi sebarang acara yang melibatkan perhimpunan awam dan aktiviti terbuka. Permohonan kepada KHEDN hendaklah dibuat secara rasmi dan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian tersebut.
7. Pihak agensi yang ingin menganjurkan acara bersempena sambutan Hari Keluarga Kebangsaan perlu mengemukakan:
 - a) Surat permohonan rasmi kepada Urus Setia dengan butiran berikut:
 - Tajuk dan objektif program.
 - Tarikh, masa dan lokasi penganjuran.
 - Permohonan sokongan dan kebenaran penggunaan logo.
 - Status permohonan kepada KHEDN (jika berkaitan).
 - b) Lampirkan dokumen sokongan:
 - Kertas konsep / cadangan program.
 - Contoh bahan promosi (jika ada).



8. Syarat bagi penggunaan logo HKK adalah seperti berikut:
 - i. Logo HKK hanya boleh digunakan bagi tujuan rasmi yang berkaitan dengan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan, sama ada dalam bentuk bahan promosi, pembarigaan, bahan cetakan atau media digital.
 - ii. Logo tidak dibenarkan sama sekali digunakan untuk tujuan komersial, politik, atau apa-apa aktiviti yang bercanggah dengan objektif sambutan HKK.
 - iii. Reka bentuk asal logo HKK tidak boleh diubah suai dari segi bentuk, warna, nisbah atau ditambah dengan sebarang unsur lain yang boleh mengubah identiti rasminya.
 - iv. Setiap penggunaan logo hendaklah diletakkan secara jelas dan beretika, mengikut piawaian saiz minimum dan warna yang akan ditentukan oleh Urus Setia.
 - v. Logo hanya boleh diperoleh secara rasmi daripada Urus Setia Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan, yang akan menyalurkan dalam bentuk softcopy (.PNG/.AI) kepada penganjur / pemohon yang telah diluluskan penggunaannya.
 - vi. Penganjur / pemohon yang telah diberikan kebenaran menggunakan logo hendaklah memaklumkan kepada Urus Setia bentuk penggunaannya (contoh: poster, backdrop, bahan digital) sebagai rekod pemantauan.
9. Pihak urus setia akan memberikan sokongan dari segi:
 - i. Pembarigaan bagi membantu menjayakan pelaksanaan program (seperti melalui media sosial)
 - ii. Memberikan barangan (*merchandise*) Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) untuk diagihkan (tertakluk kepada stok yang ada dan jika ada keperluan).
10. Bagi mengadakan tawaran promosi pakej keluarga:
 - a) Disarankan untuk mematuhi Peruntukan Pengecualian (Exemptions) di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah) 2012 yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang boleh diperolehi di laman web berikut:
<https://deps.mofe.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/KH/Cheap%20sales/Pengecualian.pdf>
 - b) Bagi perniagaan restoran / makanan adalah disarankan untuk mematuhi Kod Pemasaran Makanan Dan Minuman Yang Berhemah Kepada Kanak-Kanak Di Negara Brunei Darussalam yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan:
<https://moh.gov.bn/wp-content/uploads/2025/02/CODE-OF-RESPONSIBLE-MARKETING-OF-FOOD-AND-BEVERAGES-TO-CHILDREN-2021-Copy.pdf>



11. Permohonan permohonan atau penyerahan dokumen berkaitan atau sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada:

Urus Setia Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Tahun 2025

Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak

Jabatan Pembangunan Masyarakat

Emel: bhg.kwk@japem.gov.bn

Pegawai yang boleh dihubungi:

SITI ALIFAH BINTI AWANG OSMAN

Pegawai Pembangunan Masyarakat

No. telefon: 8656421

Emel: alifah.awgosman@japem.gov.bn

HAJI MOHAMAD ASYRAF BIN MOHAMMAD ALI

Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat

No. telefon: 8648708

Emel: asyraf.ali@japem.gov.bn

Disediakan oleh:

Urus Setia Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2025

Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak

Jabatan Pembangunan Masyarakat

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Dikemaskini: 27 Mei 2025